Dikemaskini pada 18 September 2021

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KG ORANG ASLI SUNGAI KOI, MUKIM HULU CHEKA, JERANTUT, PAHANG

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang (1) wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan & perkhidmatan perlu (*essential services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM,
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342,
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM,
- Arahan dan peraturan di bawah PBT &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang terlibat | Seluruh kawasan Kampung Orang Asli Sungai Koi, Mukim Hulu Cheka, Daerah Jerantut. |
| Tempoh Berkuatkuasa | 20 September 2021, jam 12.01 pagi sehingga 03 Oktober 2021, jam 11.59 malam. |
| Kawalan Pergerakan | PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA.<br><br>Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.<br><br>Tiada sebarang pergerakan tidak perlu di luar kawasan kediaman selepas jam 8.00 malam kecuali bagi kes-kes kecemasan atau mendapat kebenaran PDRM. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM berdasarkan *case to case basis.* |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KG ORANG ASLI SUNGAI KOI, MUKIM HULU CHEKA, JERANTUT, PAHANG

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang (1) wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan & perkhidmatan perlu (*essential services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM,
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342,
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM,
- Arahan dan peraturan di bawah PBT &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • KKM akan melaksanakan saringan bersasar kepada penduduk-penduduk.<br><br>• Semua penduduk di kawasan PKPD ini tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing- masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Penduduk selain daripada perkhidmatan perlu tidak dibenarkan keluar dari kawasan PKPD ini. Majikan hendaklah mengaturkan penjadualan kerja dari rumah *(work from home).*<br><br>• Pengecualian diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah dengan syarat individu tersebut tidak dalam arahan kuarantin KKM dan tertakluk kebenaran PDRM bagi perkara seperti berikut :-<br>i. Mengusahakan pertanian tanaman dan ternakan bagi tujuan penjagaan tanaman dan ternakan dalam kawasan PKPD sahaja dengan syarat mendapat surat pengesahan daripada Pejabat Pertanian, Veterinar dan Perikanan Daerah Jerantut.<br>ii. Membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD sahaja.<br>iii. Pembelian makanan bermasak secara bawa pulang (*take away*) dan penghantaran (*delivery*) dalam kawasan PKPD sahaja.<br>iv. Keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan mengeluarkan duit dari mesin ATM / bank dengan kekerapan munasabah. |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KG ORANG ASLI SUNGAI KOI, MUKIM HULU CHEKA, JERANTUT, PAHANG

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang (1) wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan & perkhidmatan perlu (*essential services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM,
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342,
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM,
- Arahan dan peraturan di bawah PBT &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Pengecualian diberikan kepada dua (2) orang sahaja termasuk pemandu bagi urusan vaksinasi COVID-19, dengan syarat tidak dalam arahan kuarantin KKM.<br>• Sektor ekonomi dalam kategori perkhidmatan perlu dibenarkan beroperasi tertakluk kepada arahan terkini Kerajaan.<br>• Masjid dan surau dibenarkan untuk azan dan solat berjemaah dengan kehadiran tiga (3) orang pegawai masjid/ surau sahaja dengan tambahan seorang AJK tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. Walau bagaimanapun, pengoperasian ini tetap tertakluk sekiranya ada arahan penutupan daripada KKM.<br>• Sekiranya ada kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar dari kawasan PKPD tertakluk kepada kebenaran daripada PDRM terlebih dahulu.<br>• Aktiviti majlis rasmi dan tidak rasmi termasuklah mesyuarat, majlis sosial, kebudayaan, keagamaan di masjid/ surau, sukan dan rekreasi adalah TIDAK DIBENARKAN.<br>• Semua sekolah, tadika dan taska adalah tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKPD ini.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri/Daerah. Sumbangan bantuan daripada orang perseorangan dan badan bukan kerajaan hendaklah melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah. |